



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERLAKSANAAN PENGGUNAAN SISTEM e-COURT FINANCE (ECF)**

Sistem e-Court Finance (eCF) merupakan sistem bersepada yang berupaya memudahkan kutipan hasil dan deposit di Mahkamah dengan kepelbagaiannya saluran terimaan yang terdiri daripada terimaan secara elektronik melalui penggunaan kad debit di terminal Point-Of-Sale (ePos), Cash Deposit Machine (CDM) atau tunai di kaunter Mahkamah. Setakat 30 Oktober 2021, terdapat lebih kurang 107 Mahkamah di seluruh Malaysia telah melaksanakan penggunaan sistem eCF.

Sehubungan itu, selaras dengan langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 dan pada masa yang sama menyokong dasar pendigitalan negara, orang awam dan semua pemegang taruh adalah digalakkan untuk menggunakan sistem eCF ini terutama dalam penggunaan ePos dan CDM bagi mengurangkan kontak semasa transaksi pembayaran. Diharapkan agar inisiatif digital yang dilaksanakan oleh Badan Kehakiman ini akan dapat memudahkan dan pempercepatkan urusan orang awam dan pemegang taruh semasa berurusan dengan Mahkamah.

Sekiranya orang awam dan pemegang taruh mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi talian berikut:

**Cawangan Pengurusan Kewangan**  
Bahagian Pengurusan PKPMP  
Emel: [SeksyenAkaunCawanganKewangan@kehakiman.gov.my](mailto:SeksyenAkaunCawanganKewangan@kehakiman.gov.my)  
No tel: 03-8880 4141

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 2 November 2021**